

DAP dakwa loji kontroversi Track 4A bukti 'kapitalisme kroni' era-Mahathir berkembang maju
Malaysian Insider
Jun 17, 2014

Projek loji janakuasa kontroversi yang mana Tenaga Nasional Bhd (TNB) sendiri menjauhkan diri daripadanya membuktikan kapitalisme kroni era-Mahathir berkembang maju di Malaysia, kata Tony Pua hari ini.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara daripada DAP itu menuduh Putrajaya memberikan projek RM3 bilion digelar Track 4A kepada konsortium YTL-SIPP-TNB untuk memujuk mereka kerana tidak mendapat projek RM11 bilion Projek 3A yang diberikan kepada 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

"Mengejutkan bagaimana Suruhanjaya Tenaga memberikan konsesi 20 tahun kepada syarikat yang tidak tahu mereka akan bekerjasama," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, merujuk kepada penafian TNB mereka sebahagian daripada konsortium walaupun sudah menerima surat tawaran.

Suruhanjaya Tenaga bulan lalu berkata, konsortium YTL Power, SIPP Energy Sdn Bhd dan TNB diberikan projek Loji Janakuasa Gas-Turbin Projek 4A 1,000-1,400MW bernilai RM3 bilion berdasarkan proses tender bagi projek Track 3B kerana memerlukan satu lagi loji janakuasa dengan segera. Pemberian projek diberikan dalam tempoh tiga bulan selepas Putrajaya memberikan Projek 3A kepada 1MDB untuk membina dan mengendalikan loji janakuasa arang batu 2,000MW walaupun syarikat itu tidak memberikan tarif terendah dalam proses tender yang disertai tujuh pembida itu.

"Rakyat Malaysia boleh menyimpulkan daripada sarkis ini kerajaan persekutuan membuat keputusan untuk mempercepatkan pemberian Projek 4A tanpa sebarang tender dan ketelusan untuk menenangkan hati YTL Power dan SIPP Energy yang rasa tertipu dengan pemberian Projek 3B," kata Pua yang juga setiausaha publisiti kebangsaan DAP.

YTL Power dimiliki oleh kumpulan YTL - perintis sektor pengeluar tenaga bebas Malaysia semasa Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi perdana menteri manakala SIPP Energy mempunyai kaitan dengan Sultan Johor yang mana kebanyakan perniagaannya dalam bidang hartanah.

"Kerajaan persekutuan seperti memberitahu syarikat ini 'Jangan bimbang selagi kamu benarkan kami menyelamatkan 1MDB, tidak mengkritik

tindakan itu, kami akan menjaga kamu, di sebalik retorik Model Ekonomi Baru Najib.'

"Ia seperti selagi kamu tolong kami, kami akan terus tolong kamu. Ini merupakan contoh 'kapitalisme kroni' era Mahathir terus berkembang sedekad selepas bekas perdana menteri itu bersara," kata Pua.

Pengarah Urusan Kumpulan YTL, Tan Sri Francis Yeoh dikritik hebat baru-baru ini kerana berkata Malaysia harus menghapuskan kapitalisme kroni, dengan pengkritik membangkitkan kontrak besar diterima syarikatnya dalam sektor tenaga, komunikasi dan hartanah.

Yeoh kemudiannya memohon maaf dan berkata kenyataannya dalam sebuah forum kerajaan sudah disalah tafsir.

Bagaimanapun, Pua berkata, pemberian projek Track 4A bukan sahaja dilakukan secara rundingan terus, tetapi juga "terma projek itu samar-samar, tidak spesifik dan rapuh, seolah-olah disediakan dengan tergesa-gesa."

"Saiz loji janakuasa dan tarif sebenar tidak ditetapkan – hanya menyatakan ianya mesti 'setanding dengan tender terakhir,'" katanya dan menambah konsortium YTL Power, SIPP Energy dan TNB juga masih belum jelas.

Beliau berkata, ini bakal menyebabkan tarif elektrik menjadi lebih tinggi kepada pengguna pada masa akan datang dan menambah, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hanya akan "menafikan semua kesalahan kerajaan atau 'tiada pilihan lain, tetapi perlu untuk berbuat demikian', " katanya merujuk kepada kenaikan tarif elektrik tahun ini.

Kenaikan kadar 15-17% bermula 1 Januari dilakukan walaupun keuntungan TNB pada tahun kewangan 2013 adalah RM4.61 bilion. TNB merekodkan keuntungan lebih tinggi RM3.4 bilion bagi suku pertama tahun kewangan 2014, berbanding RM2.6 bilion pada masa sama tahun lalu.

TNB merupakan syarikat pembekal elektrik dan kebanyakan loji janakuasa baru diberikan kepada IPP tetapi pada 3 Jun, TNB berkata ia menerima surat anugerah bersyarat daripada Suruhanjaya Tenaga dan "TNB sedang menilai tawaran itu dan juga peranan TNB dalam projek itu."

Tetapi Pua berkata, TNB kini sudah ke tahap menjarakkan diri daripada projek itu.

Beliau memetik Ketua Eksekutif TNB, Datuk Seri Azman Mohd yang berkata semalam: "TNB ingin tegaskan kami belum mengadakan perbincangan dengan mana-mana pihak berkaitan dengan perkara itu. Pada masa ini,

kami boleh mengesahkan hanya menerima surat tawaran dan kami menyangkal dakwaan atau andaian TNB sudah menjadi sebahagian daripada konsortium itu." – 17 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-dakwa-loji-kontroversi-track-4a-bukti-kapitalisme-kroni-era-mahathir-be>